

# Ikhtiar terbaik hapus komunis

Oleh DEANNA YONG

SEORANG pemberita pernah mengemukakan soalan kepada Perdana Menteri Thailand, Jeneral Tun Chatichai Choonhavan, sama ada kerajaannya menyediakan program untuk menghapuskan kegiatan 1,123 komunis yang dianggarkan masih tinggal di sempadan Malaysia-Thai.

Bellau menjawab: "Di Thailand, kami sudah tidak membincangkan isu komunis, tetapi soal kemiskinan, peperangan dan perdagangan."

Soalan dan jawapan itu timbul dalam sidang akhbar selepas majlis penutupan mesyuarat ke-33 Jawatankuasa Sempadan Am Malaysia-Thai di Kuala Lumpur, 19 Januari lalu.

Isa bukan saja mengamankan malah memberi gambaran seolah-olah kepada Thailand, komunis bukan lagi satu ancaman kekelamatan negara ini. Tetapi jika dibuat analisa, jawapan itu memang berasas. Ini kerana memang terbukti pengaruh komunis ada hubung kait dengan faktor kemiskinan.

Jawapan itu lojik. Kemiskinan ialah antara faktor utama menyebabkan komunis bertapak dengan mudah, iaitu dengan mengambil kesempatan keadaan terlar ber penduduk. Umum mengetahui, selama ini penduduk di sempadan terlinggal di segi pembangunan sosial dan ekonomi.

Biasanya, kegiatan komunis dikatakan "sentiasa mendapat sokongan dan bantuan makanan serta perubatan daripada mereka yang tinggal di pinggirannya. Mereka jauh daripada pembangunan dan pegganas akan mengambil kesempatan ini untuk menekan emosi mereka supaya membenci pemerintah.



JENERAL TUN CHATICHAI  
CHOOHHAVAN

Bagi Malaysia, sejarah merakamkan pengaruh komunis menjalar sehingga membawa kepada Darurat (1948 hingga 1960) kerana kesempatan yang diambil oleh mereka terhadap penduduk miskin yang menetap di pinggir hutan.

Negara berjaya memerangi komunis pada tahun 60-an kerana diperbaiki dengan penyediaan sekolah, klinik dan air serta elektrik. Justeru itu, tepat waktunya apabila Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rithauddin, ketika menutup Mesyuarat ke-33 Jawatankuasa Sempadan Am Malaysia-Thailand mengumumkan bahawa Malaysia dan Thailand masing-masing memperuntukkan \$20 juta untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di sempadan. Katanya, taraf sosioekonomi penduduk sempadan mesti dipertingkatkan untuk



TENGU AHMAD  
RITHAUDDIN

memerangi pengaruh komunis secara berkesan.

"Seperti yang kita ketahui, lindakan tentera saja tidak mencukupi untuk melawan musuh. Jika kita hendak berjaya, lindakan tentera mestilah dilengkapi dengan kegiatan pembangunan sosioekonomi. Kita terpaksa mengambil hati penduduk di sempadan dengan menyediakan projek pembangunan untuk mempertingkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Antara projeknya untuk memperbaiki taraf sosioekonomi sempadan Malaysia-Thailand ialah perkhidmatan feri bersama menyeberangi Sungai Golok, iaitu di Pangkalan Kubur (Malaysia) dan Thatbai (Thailand), yang akan dibuka kepada orang ramai 1 Mac ini.

Kutipan yang dibuat di feri Pangkalan Kubur adalah hasil Malaysia manakala kutipan di

Thatbai, jadi milik kerajaan Thai. Selain projek feri, sebuah kompleks imigrasi dan kastam akan dibina di Padang Besar bagi memudahkan perjalanan keluar-masuk penduduk kedua-dua negara.

Projek itu bukan saja melicinkan pemeriksaan mengelakkan penyeludupan dadah dan senjata api, tetapi juga menggalakkan industri pelancongan. Bagaimanapun, kedua-dua projek itu belum mencukupi. Yang lebih penting ialah, kemudahan asas dan pembukaan hutan yang lebih banyak perlu disatukan dengan usaha ketenteraan.

Selain itu, peralatan senjata mesti juga dipertingkatkan. Walaupun jumlah pengurangan dianggarkan hanya tinggal 1,123 orang, namun kekuatan mereka tidak harus diperkecil kerana anggota tentera sering kali menemui jerangkap samar, kesan tinggalan makana dan khamid di hutan yang membuktikan kegiatan mereka masih cergas.

Selain itu, kita tidak boleh berlepas tangan dan bergantung kepada usahasama dengan Thailand saja. Perbelanjaan ketenteraan selalu dikecam oleh sesetengah pihak sebagai membazir. Mungkin kecemasan itu berlandaskan peperangan begitu jauh daripada pandangan.

Tetapi lihat Singapura, sebuah republik yang teguh dengan perdagangannya, berbelanja berkali ganda lebih banyak daripada Malaysia walaupun ia sebuah negara kecil dan ancaman terhadapnya mungkin hanya dalam bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

Kita tidak boleh menunggu sehingga ancaman melanda. Sikap berwaspada perlu mengatasi segala-galanya bak kata pepatah "sediakan payung sebelum hujan."



TEMBOK berharga \$35 juta yang dibina oleh Malaysia sepanjang 14 kilometer di Sempadan Malaysia-Thai.